



KENYATAAN MEDIA

PENGEMASKINIAN SYARAT-SYARAT GARIS PANDUAN PERKUMPULAN RAMAI DAN PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI DALAM NEGARA

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 2hb., April 2022

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan mengenai **pengemaskinian syarat-syarat garis panduan perkumpulan ramai dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam negara bermula pada hari ini, 2hb., April 2022, iaitu tidak lagi mengambil status vaksinasi sebagai syarat untuk memasuki mana-mana premis atau penyertaan dalam aktiviti-aktiviti dalam negara.**

Oleh yang demikian,

- **Semua individu adalah dibenarkan untuk kembali bertugas, tanpa mengira status vaksinasi.** Sementara itu, untuk meneruskan pemantauan keadaan jangkitan COVID-19 di negara ini, semua petugas – sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta – adalah disarankan untuk menjalani ujian *Antigen Rapid Test* (ART) sekali seminggu di mana penyediaan dan kos kit ART adalah tertakluk kepada majikan masing-masing; dan
- Syarat tambahan yang berkuatkuasa ketika ini, di mana mereka yang belum melengkapi vaksinasi adalah dikehendaki untuk mendapatkan sijil keputusan ART yang negatif sebelum memasuki premis-premis, adalah dengan ini **dibatalkan.**

Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan terus memantau dan meneliti situasi semasa COVID-19 di mana garis panduan-garis panduan yang berkenaan akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat www.jpm.gov.bn.



Di kesempatan ini, saya mewakili ahli-ahli Jawatankuasa Pandu COVID-19 sukacita mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada seluruh umat Islam di tanah air dan seterusnya mendoakan semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* akan terus melimpahkan rahmat-Nya bagi kita melaksanakan amal ibadat di bulan yang mulia ini dan bagi Allah *Subhanahu Wata'ala* menyelamatkan kita dari wabak COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin.*

JAWATANKUASA PANDU COVID-19

Negara Brunei Darussalam

30 Sya'ban 1443

2 April 2022